

**PENILAIAN KEPATUHAN DENGAN KEPERLUAN
PERUNDANGAN DAN KEPERLUAN LAIN**

1. Penilaian Kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK).
2. JKPK telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2015 dan 1 kali pada tahun 2016 untuk menilai sama ada pemantauan aktiviti EMS yang dijalankan oleh peneraju adalah selaras dengan undang-undang alam sekitar yang berkaitan. Butiran dan dapatan mesyuarat JKPK yang telah diadakan adalah seperti di bawah:
 - a) **Mesyuarat JKPK Bil 1/2015**
13 Februari 2015
Penilaian kepatuhan terhadap pemantauan asap rokok, pelepasan asap bahan bakar diesel, dan penjimatan tenaga elektrik.
 - dapatan mesyuarat telah dilaporkan dalam MKSP tahun 2015.
 - b) **Mesyuarat JKPK Bil 2/2015**
19 Mei 2015
Penilaian kepatuhan terhadap Pengurusan Bahan Kimia dan Pengurusan Sisa Terjadual.
 - bersambung pada mesyuarat JKPK Bil 3/2015
 - c) **Mesyuarat JKPK Bil 3/2015**
16 Jun 2015
Penilaian kepatuhan terhadap Pengurusan Bahan Kimia dan Pengurusan Sisa Terjadual.

i. **Laporan Pengurusan Bahan Kimia**

Ahli mesyuarat meneliti laporan penuh pemantauan dan pematuhan perundangan berdasarkan *Checkpoint* Pengurusan Bahan Kimia yang dibina oleh PPUU berserta dokumen sokongan yang dikemukakan oleh PPKKP.

Ahli mesyuarat bersetuju dan memutuskan bahawa pengurusan bahan kimia di Universiti Putra Malaysia tidak mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang sepertimana yang digariskan dalam *Occupational Safety & Health Act 1994 (Use and Standards of Exposure of Chemical Hazardous to Health) Regulations 2000*.

ii. **Laporan Pengurusan Sisa Terjadual**

Ahli mesyuarat meneliti laporan penuh pemantauan dan pematuhan perundangan berdasarkan *Checkpoint* Pengurusan Sisa Terjadual yang dibina oleh PPUU berserta dokumen sokongan yang dikemukakan oleh PPKKP.

Ahli mesyuarat bersetuju dan memutuskan bahawa pengurusan sisa terjadual di Universiti Putra Malaysia tidak mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang sepertimana yang digariskan dalam *Environment Quality (Scheduled Wastes) Regulations 2005*.

d) **Mesyuarat JKPK Bil 4/2015**

29 Disember 2015

i. **Laporan Pengendalian Bahan Beracun**

Pemantauan pengendalian bahan beracun oleh TPU adalah menggunakan senarai semak yang dibina berdasarkan garis panduan MyGAP. Berdasarkan laporan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh TPU, ahli mesyuarat bersetuju bahawa pemantauan yang dilaksanakan adalah baik tetapi tidak mematuhi sepenuhnya kehendak Akta Racun Serangga. TPU hendaklah menambah baik senarai semak pemantauan TPU sedia ada dengan elemen undang-undang yang disenaraikan di dalam Checkpoint agar selaras dengan Akta Racun Serangga.

ii. **Laporan Pengurusan Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran**

Ahli mesyuarat mengambil maklum bahawa pemantauan bahan radioaktif dan radas sinaran ini dibuat sendiri oleh AELB (Atomic Energy Licensing Board). Laporan yang dikemukakan oleh PPKK ialah laporan yang telah ditentukan oleh AELB.

Ahli mesyuarat bersetuju dan memutuskan bahawa pemantauan bahan radioaktif dan radas sinaran ini menepati Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984.

iii. **Laporan Pelepasan Udara (penambahan skop penilaian kepatuhan dalam Takwim JKPK setelah diminta oleh Auditor SIRIM)**

Terdapat penambahan penilaian kepatuhan yang diminta oleh Auditor SIRIM untuk JKPK jalankan iaitu, penilaian kepatuhan terhadap pemantauan Pelepasan Udara.

Penambahan penilaian kepatuhan ini perlu diteliti semula oleh Pusat Jaminan Kualiti, kerana JKPK tidak dapat membuat penilaian kepatuhan tanpa laporan dari peneraju, dan peneraju untuk pemantauan pelepasan udara ini iaitu PPKKP hendaklah dinamakan sebagai peneraju Prosedur Kawalan Operasi-Signifikan di dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

Ahli mesyuarat mengambil maklum bahawa PPKKP dalam proses mengumpulkan data cerobong dan kebuk wasap di Universiti. Data awal setakat ini ialah terdapat 332 unit cerobong. PPKKP sedang meneliti sama ada kesemua cerobong ini mempunyai dokumen yang lengkap seperti spesifikasi dan pelan cerobong.

PPKKP hanya dapat memantau bacaan pelepasan asap kepada pekerja, dan tiada bacaan untuk asap yang dilepaskan keluar premis. Selepas membuat tentusah data, barulah PPKKP boleh membuat anggaran perbelanjaan untuk pemantauan pelepasan udara untuk kelulusan JPU.

Oleh itu, ahli mesyuarat bersetuju bahawa penilaian kepatuhan undang-undang terhadap pemantauan yang dijalankan oleh Peneraju tidak dapat dijalankan memandangkan pemantauan masih belum dijalankan.

iv. Laporan Keperluan Lain dalam Daftar Undang-Undang (penambahan skop penilaian kepatuhan dalam Takwim JKPK setelah diminta oleh Auditor SIRIM)

Terdapat penambahan penilaian kepatuhan yang diminta oleh Auditor SIRIM untuk JKPK jalankan iaitu, penilaian kepatuhan terhadap pemantauan Keperluan Lain dalam Daftar Undang-Undang (Rumah Sembelihan [*abbatoir*], Insinerator dan *Terrestrial Animal Health Code*).

Penambahan bahagian ini perlu diteliti semula oleh Pusat Jaminan Kualiti, kerana JKPK tidak dapat membuat penilaian kepatuhan tanpa laporan dari peneraju, dan peneraju hendaklah dikenalpasti dan dinamakan sebagai peneraju terlebih dahulu dalam Prosedur Kawalan Operasi-Signifikan di dalam Sistem Pengurusan Kualiti EMS.

e) **Mesyuarat JKPK Bil 1/2016**

17 Mei 2016

i. **Laporan Pelepasan Asap Bahan Bakar Diesel**

Ahli mesyuarat meneliti laporan pemantauan untuk tahun 2015 daripada Pej. TNC HEPA dan mengambil maklum bahawa sebanyak 15 buah bas yang menggunakan enjin diesel telah dibawa ke PUSPAKOM untuk pemeriksaan. Ahli mesyuarat mengambil maklum bahawa kesemua bas tersebut telah disahkan selamat oleh PUSPAKOM dengan bacaan asap di bawah 50% kadar peratusan pelepasan asap (Hartridge Smoke Unit) yang menepati Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Mulai 1 September 2015, bas UPM telah digantikan dengan bas sewaan syarikat luar secara berkontrak. Walaubagaimanapun, ahli mesyuarat difahamkan masih ada bas yang menggunakan diesel yang telah diserahkan kepada PTJ lain (UCTC dan FPSK). Ahli mesyuarat bersetuju agar Pej TNC HEPA masih menjadi pusat pengumpulan data dan pemantauan untuk semua bas di Universiti termasuk di Bintulu untuk tujuan penilain kepatuhan EMS.

ii. **Keahlian JKPK**

- Ahli mesyuarat bersetuju untuk mengeluarkan PKU dari keahlian JKPK kerana PKU tidak terlibat dengan penilaian bahan beracun di bawah skop pengajaran di bawah EMS.
- Ahli mesyuarat bersetuju bahawa tiada undang-undang bertulis spesifik yang perlu dipatuhi untuk penjaminan tenaga elektrik. Oleh itu, ahli mesyuarat bersetuju untuk mengeluarkan PPPA dari keahlian JKPK.
- Ahli mesyuarat bersetuju bahawa tiada undang-undang bertulis spesifik yang perlu dipatuhi untuk penjaminan kertas. Oleh itu, ahli mesyuarat bersetuju untuk mengeluarkan Pejabat Bendahari dari keahlian JKPK.
- Ahli mesyuarat bersetuju Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau tidak berkaitan dengan skop penilaian kepatuhan EMS. Oleh itu, ahli mesyuarat bersetuju untuk mengeluarkan Pejabat Pendaftar dari keahlian JKPK.

Pemerhatian JKPK

Mesyuarat membuat pemerhatian dan mengambil maklum bahawa justifikasi ketidakpatuhan sepenuhnya terhadap undang-undang yang dicatatkan di atas adalah berkaitan perancangan keseluruhan yang melibatkan keputusan pengurusan universiti termasuk isu kewangan dan kelulusan peruntukan.

Disediakan oleh:
Urus setia Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan
Pejabat Penasihat Undang-Undang
15 Jun 2016